

## SALAH PAPAR AMALAN PERUBATAN DALAM DRAMA MELAYU TEMPATAN

(*Misportrayal of Medical Practice in Local Malay Drama*)

Siti Aishah Binti Hj Mohammad Razi, Fauziah Binti Ahmad, Adli Azam Bin Hj Mohammad Razi & Emma Mohammad

### ABSTRAK

Menonton drama televisyen sebagai bahan hiburan, dan sumber pengetahuan tidak dapat disangkal lagi sejak sekian lama. Mudah untuk diakses samada melalui televisyen itu sendiri, atau secara atas talian, setiap drama Melayu tempatan mempunyai para pengikut dan peminatnya tersendiri yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang sama atau berbeza. Walaubagaimanapun, kewujudan elemen dan babak perubatan di dalam drama Melayu sedikit terganggu apabila terdapat kesilapan – kesilapan di dalam pemaparannya di televisyen yang nyata boleh mengelirukan para penonton, serta mampu mencemarkan imej industri drama tempatan, juga imej institusi perubatan negara kita. Oleh itu, bagi mengelakkan kesilapan ini daripada terus berulang, beberapa saranan yang diperoleh melalui metode tembusan secara mendalam bersama enam orang penerbit drama tempatan telah dikenal pasti. Dipandu oleh penggunaan faktor struktur pengetahuan daripada model Teori Literasi Media yang dibangunkan oleh Potter (2004), terdapat lima elemen saranan yang telah dikenal pasti iaitu kesan media, kandungan media, industri media, dunia sebenar, dan yang terakhir diri sendiri. Justeru, hasil kajian ini harap dapat digunakan oleh semua pihak yang terlibat dengan industri drama tempatan dalam mengatasi kesilapan salah papar elemen perubatan di dalam drama Melayu tempatan.

**Kata Kunci:** elemen perubatan, drama, televisyen, industri drama tempatan, saranan

### ABSTRACT

Watching television drama as a source of entertainment and knowledge has been undeniably time immemorial. Easy access via the television or online, local Malay drama has its own followers from different or surprisingly similar background. Unfortunately, the misportrayal of medical scenes and elements in local dramas has been quite disturbing as they are able to create confusion among viewers, and tarnishing the image of local drama industries as well as our local medical institutions. Therefore, to avoid continuous misportrayal of medical related scenes, this study has come with a few suggestions in the attempt to rectify this problem through in depth interview with six local drama producers. Driven with the use of structured knowledge from the Theory of Media Literacy, Potter (2004), highlighted five suggestions which are media effect, media, content, media industries, the real world, and last but not least oneself. It is hoped that this research can be of benefit to all parties involved in the local drama industries to prevent the misportrayal of medical issues in local Malay drama.

**Keywords:** medical elements, drama, television, local drama industries, suggestions

## PENGENALAN

Sebagai satu medium penting dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat, drama dilihat berjaya mempengaruhi pemikiran para penonton secara sedar atau tidak. Menyedari akan hakikat itu, para penerbit berusaha untuk menerbitkan drama yang penuh dan padat dengan maklumat yang boleh membawa kepada kebaikan buat para penonton di luar sana. Antara langkah yang dilakukan adalah dengan memilih elemen perubatan untuk dimuatkan di dalam drama terbitan mereka kerana elemen perubatan dilihat berjaya dalam menimbulkan perasaan, juga konflik yang memacu jalan cerita untuk kelihatan lebih menarik.

Selain daripada itu, elemen perubatan menjadi pilihan kerana berupaya menjadi satu mesej kesedaran buat para penonton akan kepentingan ilmu perubatan di dalam kehidupan mereka. Elemen-elemen seperti bantuan pernafasan, balutan luka, dan nombor panggilan kecemasan adalah antara perkara asas yang boleh digunakan oleh para penerbit untuk diselitkan di dalam drama mereka. Ilmu-ilmu ini pada dasarnya adalah penting, namun sering diambil mudah dalam kehidupan seharian menyebabkan masyarakat terlalu bergantung harap kepada petugas-petugas perubatan sekiranya berlaku hal-hal kecemasan.

Pemilihan elemen-elemen perubatan juga menjadi pilihan para penerbit untuk dipaparkan di dalam drama mereka sebagai salah satu cara memberi gambaran mengenai fungsi, atau persekitaran dunia perubatan kepada masyarakat penonton. Sebagai satu profesi yang dilihat eksklusif dan dipandang tinggi, pemaparan elemen perubatan sedikit sebanyak dapat membuka mata para penonton, dan mendekatkan mereka dengan dunia perubatan. Walaupun adegan atau elemen perubatan yang ditunjukkan adalah sedikit, pastinya perkara tersebut akan memberi satu dimensi baru buat para penonton lebih-lebih lagi buat peminat drama tempatan.

Disebabkan itu, elemen perubatan menjadi antara elemen penting yang sering dipilih untuk dipaparkan di dalam drama kerana kepentingannya buat para penonton. Walaupun berbeza bidang, nyata keberanian para penerbit ini untuk menerima naskah yang mengandungi elemen sebegini harus dipuji kerana banyak kajian yang perlu dilakukan sebelum berjaya untuk dilaksanakan.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Baru-baru ini tular dilaman sosial akan sebuah drama popular telah memaparkan kesilapan fakta perubatan sehingga mencetuskan persoalan di kalangan para pengamal perubatan, pelakon, juga netizen laman sosial. Keadaan tersebut menarik minat pengamal perubatan untuk mengulas dari sisi bidang mereka yang penuh dan padat dengan fakta-fakta perubatan. Namun, jika diperhatikan, sebenarnya isu ini sudah berlarutan sebelum ini lagi apabila banyak kesilapan fakta mengenai elemen perubatan di dalam drama Melayu terlepas untuk paparan penonton di televisyen. Kesilapan – kesilapan yang dipaparkan menjadikan segelintir para penonton bukan sahaja keliru, tetapi menjadi kurang hormat dengan industri drama tempatan yang nyata mencemarkan imej industri ini sendiri.

Selain daripada itu, kekerapan yang berlaku ini menimbulkan tanda tanya di hati pengkaji terhadap tanggungjawab bukan sahaja penerbit, tetapi juga kepada pihak penilai stesen televisyen sendiri. Walaupun kita tidak boleh menyalahkan penilai stesen seratus peratus kerana bidang perubatan bukan bidangnya, namun kegagalan untuk mengenalpasti kesilapan fakta yang ringkas seperti nombor talian kecemasan tidak dapat diterima. Seharusnya, perkara-perkara asas sebegini perlu diketahui umum. Sebagai seorang penilai

yang telah diamanahkan untuk menilai setiap produk yang dihantar untuk dinilai sebelum ditayangkan, mereka perlulah menjalankan tanggungjawab mereka dengan teliti, dan bukannya secara lewa. Dengan ini, sekiranya pihak penerbitan terlepas pandang akan kesilapan sebegini, maka penilai yang menyedarinya bolehlah melaporkannya kepada pihak penerbit drama agar pembetulan boleh dilakukan sebelum diterima dan ditayangkan di stesen televisyen. Ketelitian dalam menjalankan tugas ini bukan sahaja dapat mengelakkan kesilapan daripada terlepas untuk paparan masyarakat, tetapi juga dapat menjamin nama baik stesen televisyen.

Kerjasama antara pihak penerbit drama dengan pihak pengamal perubatan juga boleh dipersoalkan. Ini kerana, jika kerjasama terjadi, kesilapan fakta perubatan di dalam drama pasti tidak akan berlaku. Jika di Hollywood, terdapat persatuan seperti *Hollywood, Health, and Society Program* yang akan memantau, memberi nasihat juga membantu para penulis dan penulis skrip drama dalam membina skrip yang berkaitan dengan perubatan. Di Malaysia, walaupun ada persatuan – persatuan bukan kerajaan yang sedia membantu seperti *My MedTweet*, *Medical Mythbuster Malaysia*, juga Persatuan Sukarelawan Perubatan Malaysia, namun persatuan – persatuan ini masih lagi tidak dikenali dan kurang mendapat perhatian daripada industri drama tempatan, atau pun bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan yang diberikan adalah mahal.

Kekangan bajet yang terhad daripada pihak stesen televisyen juga menjadi salah satu punca mengapa elemen perubatan di dalam drama sering berlakunya kurang ketepatan fakta. Sejak tahun 2011 lagi, Datuk Seri Utama Rais Yatim telah mengutarakan isu bajet rendah ini kepada pihak stesen televisyen terutamanya RTM (Portal Rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2011). Ini menunjukkan bahawa masalah kekangan bajet adalah masalah yang sudah lama dan masih belum ada jalan penyelesaiannya. Justeru, Dengan kadar bajet yang diberikan masih lagi sama seperti berbelas tahun dahulu, tidak mustahil para penerbit berasa berat hati untuk mengeluarkan belanja mereka untuk mendapatkan khidmat daripada para pengamal perubatan, atau sewaan peralatan perubatan yang sesuai. Ini kerana, dengan sewa peralatan yang tinggi, bayaran pelakon pilihan stesen televisyen yang nyata mahal, pasti akan memberi kesan kepada bayaran para krew yang terlibat. Oleh itu, bagi mengelakkan pengurangan bayaran gaji kepada krew, maka banyak perkara terpaksa dikorbankan oleh pihak penerbit.

Antara lain yang menjadi persoalan adalah, sejauh mana kajian yang dilakukan oleh pihak produksi sendiri dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perubatan. Seperti yang diketahui, pre produksi menjadi keutamaan bagi sesebuah produksi sebelum memulakan sebarang penggambaran bagi memastikan setiap aspek adalah sempurna dan difahami dengan jelas oleh setiap ahli dan krew yang terlibat. Ini termasuklah melakukan kajian bagi memahami perkara mengenai perubatan yang terlibat di dalam drama mereka. Namun, jika kajian dilakukan, mengapa masih terdapat lagi salah papar elemen perubatan di dalam drama Melayu yang ditayangkan?

Merujuk perkara – perkara di atas, terdapat banyak punca berlakunya salah papar elemen perubatan yang boleh diberi perhatian sebagai mencari langkah mengatasinya. Perkara-perkara inilah yang mencetuskan idea buat pengkaji untuk melakukan kajian ini kerana salah papar elemen perubatan di dalam drama Melayu tempatan bukanlah satu perkara yang perlu dipandang remeh. Perkara ini penting untuk diatasi kerana kesannya kepada banyak pihak boleh menjurus kepada situasi yang tidak sihat. Boleh mengelirukan para penonton, mencemarkan imej para penerbit bukan sahaja yang terlibat, tetapi juga yang lain. Industri perubatan negara turut akan terkena tempiasnya kerana dilihat tidak peka dan tidak mahu memberikan bantuan dan kerjasama di dalam industri drama tempatan.

## ULASAN PERPUSTAKAAN

### *Literasi Media*

Literasi media pada asasnya membawa maksud kemampuan untuk membaca dan menulis. Namun sejajar dengan perkembangan masa, dan teknologi, definisinya menjadi lebih luas lagi. Menurut *Centre of Media Literacy*, dan *Media Literacy Project*, literasi media bermaksud kemampuan untuk mengakses, menganalisa, menilai, dan juga membina media. Manakala *National Association for Media Literacy Education* pula memberi definisi kemampuan untuk mengakses, menganalisa, menilai, dan berkomunikasi untuk maksud literasi media. Kerana itu, literasi media juga boleh ditafsirkan sebagai kemampuan seseorang individu untuk menggunakan saluran media serta tahu untuk membezakan maklumat yang positif dan negatif. Melalui kemampuan tersebut, individu akan berada dalam keadaan sedar semasa proses penerimaan mesej media menjadikannya lebih berhati-hati dalam tujuan dan pemilihan informasi agar tiada mesej yang silap atau negatif mempengaruhinya. Berbanding jika kemampuannya untuk mengawal mesej media adalah terhad, kemungkinan untuk dia menerima mesej media secara tidak sedar adalah tinggi, mengakibatkannya tidak mampu untuk mengawal penerimaan, dan pengaruh mesej media yang ada.

Di samping itu, literasi media juga penting kerana dapat menunjukkan isi kandungan yang biasa didedahkan kepada seseorang individu, dan corak pemikirannya (Potter, 2011), di samping mengajar para penonton untuk membuat keputusan terhadap kandungan media yang diterima oleh mereka (Stribbling 2008). Melalui ilmu ini, kita dapat lihat sejauh mana seseorang itu didedahkan dan mengusai sesuatu perkara serta tindak balas penerimaan media mereka. Ini kerana, apabila mereka sering didedahkan dan terdedah dengan sesuatu perkara, mereka dapat menilai dan menapis mesej media yang diterima secara sedar. Tetapi berbeza jika sebaliknya.

Sejarah dengan perkembangan sosial dan budaya, literasi media juga akan terus berkembang hasil daripada tindak balas terhadap perubahan sekitarnya (Dauglass Kellner & Jeff Share. 2007). Oleh itu, semakin terdedah individu dengan sesuatu perkara, semakin tinggi literasi medianya kerana kemahiran mengakses, menganalisa, menilai, dan juga membina media semakin bertambah. Kesannya, tahap kesedaran dan kemampuannya untuk mengawal mesej media dalam mempengaruhinya adalah semakin tinggi. Dengan ilmu literasi media yang ada, persepsi seseorang terhadap perkara sekelilingnya juga semakin luas dan terbuka mendorongnya untuk menambah, dan memperluaskan lagi pengetahuannya yang sedia ada.

Literasi media juga menjadi pencetus kepada masyarakat yang aktif membaca, dan menulis, di samping berkebolehan dalam menerbitkan drama dan filem yang bermaklumat untuk kehidupan, dan kebaikan masyarakat sosial (Balraj. S. 2001). Minat yang mendalam terhadap aktiviti membaca dan menulis adalah satu perkara yang sangat penting dan diperlukan dalam membina tamadun manusia. Melalui pembacaan dan penulisan, idea-idea serta maklumat yang berguna, dapat digunakan untuk membimbing dan melahirkan masyarakat yang celik ilmu serta berpengetahuan luas terhadap ilmu persekitarannya. Lebih-lebih lagi dengan arus kemodenan yang pesat, kegagalan untuk mengejar dan menambah ilmu akan menyebabkan masyarakat ketinggalan zaman dan dangkal kerana hanya menerima sahaja maklumat tanpa mampu dapat mengawal dan menapis mesej kandungannya.

Jika ditinjau dari segi kesan media terhadap masyarakat sosial, lambakan maklumat di media banyak mempengaruhi kehidupan, dan tingkah laku sehari-hari. Tanpa ilmu literasi

media, sukar untuk masyarakat menilai fungsi maklumat yang diterima dengan baik. Kerana itu menurut Kellner, D. , Shane, J. (2007), ilmu literasi media banyak membantu individu dalam menilai, dan menyiasat mesej media yang diterima. Kegagalan dalam menilai dan menyiasat mesej media, tidak mustahil akan memberi kesan yang negatif kepada individu, juga kepada masyarakat.

Tegasnya, ilmu literasi media adalah sangat penting bagi mengelakkan masyarakat yang dangkal mempengaruhi perkembangan intelektual masyarakat itu sendiri. Kepentingannya dalam diri individu tidak dapat dinafikan turut memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat sekitar, termasuklah di alam maya.

### **Drama Perubatan**

Memaparkan watak-watak perawat, atau pengamal perubatan sama ada di dalam atau di luar institusi perubatan, drama perubatan antara drama yang mendambakan kajian yang teliti dan lengkap agar maklumat- maklumat dan fakta-fakta yang disebarluaskan di dalam drama adalah tepat dan tidak mengelirukan. Sesuai sebagai sebuah medium yang menyalurkan budaya, dan masyarakat sosial kepada para penonton, drama menjadi antara sumber maklumat yang dicari, dan dipercayai. Memaparkan situasi proses rawatan untuk hal-hal kecemasan, atau meibatkan perubatan, Joseph Turrow (2012) turut berpendapat bahawa drama perubatan tidak lari daripada menggambarkan watak-watak yang berpengaruh dan berkuasa di dalam sesebuah sistem perubatan.

Menjadi pilihan oleh para penerbit untuk menyelitkan elemen perubatan di dalam drama mereka, elemen sebegini dilihat membantu sesebuah drama untuk menjadi lebih menarik kerana mampu menimbulkan konflik, juga mainan perasaan di antara watak-watak yang ada. Bukan itu sahaja, disebabkan adegan yang dipaparkan menyerupai dengan situasi sebenar yang dialami di luar drama, para pengamal perubatan sebenar menjadikan drama-drama ini sebagai rujukan mereka, lebih-lebih lagi dengan kehadiran watak-watak perawat yang digambarkan mahir dan cekap dalam menyelesaikan kes-kes yang diterima mereka (Turrow J., 1996). Para penonton juga oleh menjadikan adegan yang dipaparkan sebagai satu ilmu asas perubatan yang bermanfaat dan mampu dipraktikkan di dalam kehidupan sebenar mereka. kerana itu, Bishop J., (2009) setuju bahawa drama perubatan sesuai untuk dijadikan sebagai sumber informasi yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat.

Penulis skrip kebanyakannya menulis berdasarkan imaginasi mereka. Disebabkan itu, kajian perlu dilakukan oleh mereka dan pihak produksi apabila ingin mengetengahkan sesuatu tema, atau subjek yang luar dari normal kehidupan sosial mereka. Menjadi tanggungjawab seorang penerbit untuk sentiasa berwaspada dan peka dengan maklumat yang dipaparkan di dalam drama mereka agar tidak mengelirukan para penonton. Ini kerana, kebanyakan penulis skrip tidak mempunyai pendidikan dan latihan di dalam bidang perubatan yang formal(Lolley S., 2008), memungkinkan pemaparan maklumat, atau fakta perubatan di dalam drama tidak tepat sepenuhnya (Goodwin E., 2015). Oleh itu, kebanyakan adegan dengan elemen perubatan yang dihasilkan oleh penulis-penulis skrip lebih ke arah hiburan, berbanding pendidikan.

Jika dilihat dari segi penyampaian, penonton sebenarnya lebih gemar dan tertarik untuk melihat watak-watak yang dilakonkan, berbanding memerhati dan mempelajari ilmu-ilmu perubatan yang dipaparkan. Landau (2011), memberi contoh bahawa di dalam sesebuah adegan pembedahan yang dilakukan oleh doktor, perwatakan doktor itu sendiri yang menjadi perhatian, bukannya perbuatan yang dilakukan oleh watak tersebut. Kerana itu, para penonton tidak mengambil kisah dengan kesilapan yang dilakonkan, dan hanya beranggapan pemaparan adegan itu hanyalah lakonan semata-mata yang tidak perlu diambil serius akan

kesalahan yang dilakukan. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan bahawa para penonton kini sudah semakin bijak dan ada yang mengambil peduli akan salah papar yang dilakukan adalah perkara yang serius, lebih-lebih lagi melibatkan hal-hal perubatan.


Bukan sahaja di dalam tempatan, kesilapan fakta perubatan di dalam drama turut menjadi perhatian pengkaji terhadap drama-drama bersiri popular di Hollywood. Menurut Stobbe M. (2007), walaupun drama seperti “Law and Order” mengandungi fakta yang salah, namun hasil daripada kajian yang dilakukan menunjukkan apa yang ditunjukkan di televisyen tetap dipercayai oleh para penonton. Keadaan ini sebenarnya menyukarkan para pengamal perubatan di alam realiti kerana mereka terpaksa berdepan dengan karenah pesakit yang keliru dengan rawatan di dalam drama, juga dengan keadaan sebenar.

Justeru, penghasilan drama perubatan perlulah didatangi dengan fakta-fakta yang benar dan tepat agar tidak mengelirukan masyarakat penonton lebih-lebih lagi yang menjadikan drama sebagai salah sebuah medium pendidikan mereka. Kepentingan penghasilannya tidak boleh dinafikan kerana elemen perubatan adalah elemen yang penuh dengan mesej pendidikan jika disampaikan dengan betul, dan menjadi tanggungjawab penerbit bagi memastikan ketepatan faktanya dengan tidak culas dalam melakukan kajian yang teliti.

## HUBUNGKAIT ANTARA TEORI LITERASI MEDIA DAN KAJIAN

Merujuk kepada pernyataan yang diberikan oleh (Potter 2011), dan (Stribbling 2008), ilmu literasi media nyata dapat mendedahkan pengetahuan seseorang terhadap sesuatu perkara. Sebagai contoh, para penerbit yang tidak fasih dengan ilmu, dan dunia asas perubatan pasti tidak sedar dengan mesej mengenai perubatan yang diletakkan di dalam skrip yang diterima. Apabila pengetahuannya kurang, maka tidak mustahil dia gagal untuk menapis kesilapan yang terdapat di dalam skrip, atau jalan cerita tersebut. Berbeza jika seorang penerbit mempunyai ilmu literasi media, sekiranya dia mengenalpasti kesilapan, atau timbul persoalan mengenai elemen perubatan yang disertakan, pasti dia akan melakukan kajian, atau memastikan ketepatan maklumat tersebut sebelum menerima.

### Empat Faktor Utama



**Rajah 4.1. Model Kognitif Literasi Media James W. Potter (2004).**

Merujuk gambar rajah 4.1 di atas, struktur pengetahuan seseorang banyak mempengaruhi tindak balas seseorang dalam membuat keputusan melalui pemprosesan dan aliran kerja maklumat sebelum menjadi satu mesej yang baru. Model yang dibina oleh Potter (2004) sangat bersesuaian dengan kajian ini kerana kajian ini melibatkan struktur pengetahuan seseorang penerbit drama. Namun, pengkaji hanya memfokuskan kepada elemen-elemen struktur pengetahuan sahaja iaitu kesan media, kandungan media, industri media, dunia sebenar, dan diri sendiri. Kelima-lima elemen ini merupakan jika diteliti dengan mendalam, adalah antara sumber rujukan media yang berkesan dalam menambah dan mengukuhkan struktur pengetahuan seseorang penerbit.

Sebagai contoh, sesuai dengan peranan seorang penerbit dalam menghasilkan drama untuk mendidik masyarakat, pendedahan dirinya dengan perkara – perkara di sekitar, serta perkara-perkara baru banyak membantu meningkatkan tahap literasi medianya. Dauglass Kellner & Jeff Share 2007, percaya bahawa disebabkan oleh tindak balas terhadap perubahan budaya dan sosial masyarakat literasi media akan terus berkembang dan berubah. Apabila seseorang penerbit didedahkan dengan mesej media berkaitan perubatan, maka pengetahuannya akan bertambah. Oleh itu, semasa proses pembacaan, memahami, dan mengakses skrip, dia mampu menilai mesej-mesej media mana yang perlu ditapis, atau tidak. Justeru, sekiranya berlaku ketidakpastian, atau kesilapan di dalam maklumat yang disediakan, maka penerbit dan pembantunya boleh memperbetulkannya sebelum penggambaran dilakukan.

Jika diteliti dengan mendalam, teori ini turut menyarankan agar setiap individu perlulah rajin menambah ilmu pengetahuan melalui pembacaan dan penulisan, lebih-lebih lagi untuk seorang penerbit drama. Dengan tercetusnya minat ini, pengetahuan mengenai ilmu perubatan boleh diketahui, dan difahami membolehkan kesilapan pemaparan maklumat dapat dikenalpasti dengan lebih awal. Malahan, ilmu yang ada juga boleh digunakan untuk menambah baik dan mencatikkan lagi skrip agar elemen perubatan yang disuntik terhasil dengan lebih berkualiti. Berbanding jika tiada ilmu di dalam bidang perubatan, maka kepercayaan yang diletakkan kepada penulis skrip mungkin boleh menyebabkan salah papar berlaku. Tidak menyalahkan penulis skrip, tetapi adalah lebih elok sekiranya hal-hal mengenai ketepatan maklumat dapat dilakukan, dan dibincang bersama-sama bagi mendapatkan kata sepakat yang baik.

**PERMASALAHAN KAJIAN**

Menjadi masalah apabila masih lagi ada kesilapan fakta-fakta, juga maklumat-maklumat perubatan yang dipaparkan di dalam drama Melayu tempatan walaupun isu ini sering diutarakan lebih-lebih lagi di laman sosial. Tidak menidakkannya kredibiliti para penerbit drama tempatan, kerana masih ada penerbit yang berjaya membawa adegan berunsurkan perubatan dengan baik sekali, tetapi kelihatannya seperti tiada jalan penyelesaian yang berjaya diambil. Situasi ini jika dibiarkan, boleh mencemarkan imej industri drama tempatan kerana setiap kesilapan yang terjadi, menjadi bahan lawak oleh para netizen yang sentiasa mencari peluang untuk menyerang atas kesilapan individu atau pun pihak lain.



Gambar Rajah 5.1

Gambar rajah di atas merupakan antara kesilapan elemen perubatan yang sangat ketara di dalam salah sebuah drama bersiri. Pemakaian *cervical collar* yang sepatutnya di bahagian leher, kelihatan janggal sekali apabila dipasang dibahagian muka. Menjadi persoalan, mengapa hal sebegini boleh berlaku, kerana jika difikirkan secara logik walaupun tidak mempunyai ilmu dalam bidang perubatan, perkataan *collar*, atau kolar itu sendiri sudah membayangkan leher, ataupun kolar kemeja. Namun, mungkin ada masalah-masalah dalaman yang tidak dapat diketahui, seperti kekurangan dana, atau kekurangan masa untuk membuat kajian yang memungkinkan kejadian seperti ini berlaku.



Gambar Rajah 5.2

Manakala di dalam Gambar Rajah 5.2 di atas ini pula, kesilapan terjadi apabila alatan yang sepatutnya dikendalikan secara manual dibiarkan tergantung. *Bag Valve Mask* merupakan alatan yang membekalkan bekalan oksigen kepada pesakit melalui beg yang mengandungi udara tersebut. Justeru, jika tidak dikendalikan oleh jururawat, atau mana-mana pegawai perubatan, maka bagaimana oksigen dapat dibekalkan kepada mangsa?



Gambar Rajah 5.3

Kerana kesilapan-kesilapan sebeginilah yang banyak mengundang perspektif negatif para penonton terhadap industri drama Melayu tempatan. Lihat sahaja seperti gambar rajah 5.3 di atas ini. Kesan daripada kesilapan yang dilakukan oleh sebuah produksi drama, maka perkara tersebut menjadi bahan jenaka oleh segelintir masyarakat yang memahami dan mengetahui amalan sebenar penggunaan alat perubatan tersebut. Situasi sebegini pastinya mengundang sesuatu perkara yang boleh menjatuhkan maruah para penerbit drama Melayu tempatan. Tanpa disedari, jika perkara sebegini dibiarkan berlarutan, pasti akan melahirkan masyarakat yang dangkal kerana hanya menerima perkara yang dipaparkan, juga masyarakat yang suka menjatuhkan industri drama kita walaupun tidak tahu punca-punca masalahnya.

## KAEDAH KAJIAN

Memandangkan kajian ini bertujuan untuk mencari penyelesaian kepada masalah ini, pendapat mereka yang pakar, dan terlibat dalam bidang ini diperlukan bagi membantu pengkaji. Oleh itu, kaedah temu bual secara mendalam telah dipilih kerana kaedah ini berkemampuan untuk mendapatkan maklumat dengan terperinci dengan seramai enam orang penerbit drama tempatan telah dipilih dari enam syarikat penerbitan drama yang berbeza. Selain daripada itu, Bogdan, Biklen (1998), berpendapat temu bual mendalam membolehkan seseorang pengkaji mendapat pandangan subjek yang ditemu bual mengenai sesuatu topik melalui perkataan, atau ayat mereka sendiri. Maka, pandangan yang diberikan oleh mereka adalah bebas daripada pengaruh pihak ketiga.

Selain daripada itu, kaedah temu bual mendalam juga membolehkan pengkaji mendapatkan pandangan yang lebih meluas merangkumi pelbagai aspek, sekaligus menjadi nilai tambah dalam data yang dikumpul pengkaji. Malah, kepercayaan yang timbul di antara kedua belah pihak mampu menguatkan lagi hubungan yang terjalin, membolehkan kerjasama berlaku lagi di masa hadapan.

## DAPATAN KAJIAN

Melalui sesi temu bual yang dijalankan, diakui dengan jujur oleh setiap responden bahawa masalah salah papar ini memang banyak berlaku dan disedari oleh mereka. Seperti yang diakui oleh responden R4:

*Ada kadang-kadang scene-scene...scene yang salah dibuat kerana tidak faham prosedur, atau pun tidak faham apa, apani...bagaimana dia sepatutnya dilakukan scene-scene yang seterusnya, jadi memang, kita memang ambil beratlah. Ada banyak, saya tahu ada banyak...,R4*

Pendapat itu turut disokong oleh responden R5:

*Memang tidak ada unsur-unsur perubatan yang betul dalam drama-drama Melayu. Memang tidak ada. Dan tak minat. Kebanyakannya tak berminat untuk mendalami. R5.*

Menurut responden R5, kekurangan usaha, dan minat untuk mengkaji dan mendalami ilmu perubatan yang ingin dipaparkan di dalam drama mereka turut menyumbang kepada salah papar amalan perubatan di dalam drama Melayu tempatan. Selain daripada itu, kekangan kewangan atau bayaran daripada pihak stesen juga menjadi salah satu punca kepada masalah yang dikaji ini seperti yang diluahkan oleh responden R4 dibawah:

*Macam saya cakap tadi. Ya, kewangan memang boleh menjadi punca kenapa penerbit tak dapat hasilkan drama yang bermutu. Kenapa? Sebab kewangan yang terhad telah banyak dihabiskan kepada bayaran pelakon-pelakon yang mahal harganya. Kadang-kadang, sebab terhad itu juga kita terlepas pandang untuk membuat kajian yang lebih mendalam kerana itu semua melibatkan kos. Kos masa, kos pengangkutan, dan kos-kos lain...,R4.*

Ditambah dengan karenah pihak stesen televisyen yang campur tangan atas pemilihan para pelakon terutamanya, pihak penerbit terpaksa berbelanja besar untuk membayar pelakon yang ditentukan oleh pihak stesen membuatkan kos untuk membuat kajian terpaksa dikecilkan, atau dilupakan terus. Kesan lain juga, pihak penerbit terpaksa mengekang kreativiti dan kemampuan mereka untuk menghasilkan adegan dengan elemen perubatan yang lebih canggih kerana tidak dapat menyewa alatan perubatan yang nyata memerlukan kos. Maka, terhasillah adegan yang nampak murah, dan kurang teliti yang akan megundang kecaman masyarakat penonton.

## SARANAN

Setiap masalah pasti ada penyelesaiannya dan pengkaji ingin turut mencadangkan saranansaran yang boleh digunakan untuk mengurangkan salah papar elemen perubatan ini melalui temu bual yang telah berlangsung. Terdapat lima cara yang oleh digunakan iaitu melalui kesan media, kandungan media, industri media, dunia sebenar, dan diri sendiri. Kelima-lima cara ini juga merupakan antara punca kepada struktur pengetahuan yang disarankan di dalam Teori Literasi Media oleh Potter (2004).

### ***Kesan media***

Penularan salah papar amalan perubatan di dalam drama Melayu tempatan menjadi antara topik yang sering dibincangkan di kalangan netizen menyebabkan imej industri drama tempatan sedikit tercemar, menjadikan para penerbit yang lain perlu lebih berhati-hati dalam memaparkan elemen perubatan di dalam drama mereka. Menurut responden R6:

*Ish..memang. Zaman ni, penonton mesti cemuh, lepas tu viral. Memang confirm. So benda-benda macam ni saya memang berhati-hati sikit, sebab saya ni boleh dikatakan producer yang dikenali. Kan? Orang kenal kita sebagai pelakon semua. Lagi orang suka nak viralkan. So i always take extra carefull on that. Malu juga bila viral-viral benda macam ni kan? Kerana kesilapan dekat set, kita produser yang kena tanggung...,R6.*

Mengambil kira kesan negatif yang terhasil daripada salah papar amalan perubatan yang terjadi, para penerbit hendaklah mengambil iktibar, dan inisiatif yang efektif agar kesilapan tidak berulang lagi. Kerana, bukan sahaja industri drama yang akan terkesan, tetapi juga insitusi perubatan negara.

### **Kandungan media**

Dalam usaha dan idea untuk menyuntik elemen perubatan di dalam drama mereka, pihak penerbit haruslah memastikan amalan perubatan yang dipaparkan itu logik, dan sesuai dengan situasi yang dipaparkan. Pihak penerbit juga perlu memastikan setiap elemen perubatan yang dipaparkan betul dari segi faktanya, juga prosedurnya. Sebagai contoh rawatan *cardiopulmonary resuscitation (CPR)* dan nombor talian kecemasan. Tidak dilupa juga tampalan balutan luka, walaupun sikit tetapi tetap memberi kesan. Menurut responden R4:

*Kadang-kadang bila kita tidak ambil peduli, dia akan jadi scene-scene yang nampak sangat kita tak buat homework dan salah. Ada baru-baru ni saya terbaca, even di Facebook pun memperlekehkan scene yang mana pesakit tu sepatutnya macam ni...macam ni...macam ni, dia buat taruk drip ke apa, tak silap saya, benda macam tulah. Lawak tu. R4.*

Merujuk kenyataan di atas, kandungan yang silap nyata sukar untuk diterima oleh penerbit drama yang lain juga. Kerana itu, penerbit terutamanya perlu mengenal pasti dan meneliti kandungan skrip yang ingin divisualkan agar tiada kesilapan yang berlaku. Malah, sebelum dihantar ke pihak stesen juga drama yang siap disunting perlu diperiksa agar kandungan dan jalan ceritanya tiada yang silap.

### **Industri media**

Saranan seterusnya adalah melalui industri media itu sendiri yang memerlukan kerjasama dan tindak balas daripada pihak stesen televisyen. Ini termasuklah peranan, juga kadar bayaran kepada pihak penerbit drama yang perlulah ditingkatkan lagi. Tidak dinafikan stesen televisyen mementingkan memainkan peranan penting dalam memberi peluang kepada pihak penerbit untuk menyiar drama-drama terbitan mereka, namun kebijakan serta sikap yang adil juga perlu diterapkan agar kedua-dua pihak mendapat keuntungan dan kebaikan bersama.

Dari segi kadar bayaran terutamanya, kadar yang diterima masih tidak banyak berubah sejak dari dahulu lagi menyebabkan pihak penerbitan tersebut dalam membahagikan kos-kos yang terlibat. Bukan itu sahaja, situasi ini juga akan melemahkan semangat pihak penerbit untuk menghasilkan elemen perubatan yang berimpak tinggi kerana semua itu memerlukan kos.

*Kita boleh buat. Tapi kita cuma tak boleh tunjuk belah la...itulah...sedut darah ke apa...whatever. Kalau kita tengok cerita orang putih, semua dia buat kan? Real. Tapi kita buat...boleh buatlah, tapi kemampuan kita terhad lah. Dan kat situ penonton tempatan akan membezakan.. "tengoklah cerita Melayu, Malaywood". Well, itu yang masih lagi kita tak capai kan? Sebab, even program TV hari ni pun masih harga yang sama...R4*

Oleh itu, permintaan dan situasi ekonomi sekarang dalam mempengaruhi kadar bayaran, juga hasil perlu diberi perhatian wajar kerana kita tidak mahu industri kita menjadi tenat kerana kreativiti pengamal industri kreatif media disekat.

### **Dunia sebenar**

Kebanyakan drama yang dihasilkan adalah berinspirasikan daripada dunia sebenar. Walaubagaimanapun, tidak semua penulis skrip, dan penerbit drama datang dari latar belakang perubatan. Oleh itu, cara lain untuk mengetahui dan mendalam subjek yang ingin diketengahkan adalah dengan menjalinkan kerjasama bersama institusi perubatan tempatan.

Berbanding Malaysia, industri Hollywood mempunya persatuan yang membantu para penerbit, atau penulis yang ingin menghasilkan skrip dengan unsur perubatan. Melalui *Hollywood, Health, and Society Programs*, para pengamal kesihatan di sana telah mengambil inisiatif bukan sahaja untuk menegur kesilapan, tetapi juga memberi khidmat nasihat, dan bimbingan kepada para penerbit drama, dan filem dalam menerbitkan hal yang berkaitan kesihatan. Bukan sahaja menyediakan khidmat nasihat secara percuma, malahan program yang beroperasi sejak 2001 ini turut mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan kualiti kesihatan melalui drama, atau filem seperti seminar, anugerah, atau tayangan video yang berkaitan (*Hollywood, Health, and Society Programs* ).

Menurut responden R6:

*Ha, itu yang saya nak cadangkan tadi tu. Kerjasama tu. Its timely ya, produser-produser ni mula bekerjasama dengan agensi-agensi, dengan jabatan-jabatan, dengan kementerian. Dan juga dengan yang sepatutnya lah. Dengan pihak yang sepatutnya, yang kita nak bawa cerita mereka ni...,R6*

Justeru, jalinan kerjasama antara pihak penerbit drama dan pengamal perubatan perlu dilaksanakan bagi mengelakkan kesilapan pemaparan elemen perubatan daripada terus berlaku.

### **Diri sendiri**

Tanggungjawab sebagai seorang penerbit itu sendiri adalah besar yang memerlukan ketahanan dari segi fizikal dan mental. Bukan sahaja memerlukan kewangan, dan pasukan yang kukuh, tetapi juga tahap pengetahuan yang tinggi. Ini kerana, sebarang keputusan untuk menerima, atau menolak sesuatu skrip untuk divisualkan adalah milik penerbit. Disebabkan itu, saranan terhadap diri sendiri, atau penerbit drama merupakan antara saranan yang penting sekali untuk diberi perhatian.

Pengetahuan yang ada perlulah sentiasa ditambah agar penerbit tidak ketinggalan dalam sebarang ilmu yang berpotensi untuk diketengahkan di dalam drama mereka, contohnya seperti ilmu perubatan. Kajian demi kajian perlu dilakukan bukan sahaja melalui pembacaan, tetapi juga melalui komunikasi, dan juga pemerhatian seperti yang dinyatakan oleh responden R1:

*Yes, definitely i will do a research on the story first.  
Aaa...so kata kalaullah kita buat cerita pasal orang buta for examples. I will see how do they live, how do they talk, how do they mix, how do they walk. Then only baru kita boleh direct kita punya artis. Kalau kita punya tak buat homework, kita macam mana kita nak direct artis tu. Unless artis tu rajin, will go to the extra mile to do the homework themselves, aaa....R2*

Dengan pengetahuan yang ada, bukan sahaja penerbit akan dihormati, tetapi juga karya-karya hasil terbitannya juga akan dihormati dan diikuti oleh para penonton.

## PERBINCANGAN

Isu salah papar amalan dan elemen perubatan tidak akan terhenti selagi tiada tindakan untuk mengatasinya dari semua pihak yang terlibat seperti para penerbit drama, institusi perubatan, stesen televisyen, dan juga dari masyarakat penonton. Sebagai individu yang pernah terlibat secara langsung di dalam industri penerbitan drama, pengkaji secara peribadi melihat isu ini tidak seharusnya dipandang remeh kerana kesannya melibatkan banyak pihak. Penerbit yang tidak berpengetahuan akan menghasilkan pasukan yang kurang berpengetahuan kerana mereka menurut keputusan penerbit. Manakala stesen televisyen yang memikirkan keuntungan, pasti akan mengakibatkan ada pihak lain yang akan mengalami kerugian.

Selain daripada itu, institusi perubatan pula pasti akan terkena tempias disebabkan kesilapan salah papar tersebut kerana dilihat seperti tidak membantu dan memberikan kerjasama kepada industri drama tempatan. Namun, pasti ada penyelesaiannya kerana ketika ini, pihak pengamal perubatan turut menubuhkan badan, dan juga persatuan yang boleh membantu pihak penerbit drama dalam isu mengenai amalan perubatan ini. Antara persatuan, dan badan yang aktif adalah *Medical Mythbuster Malaysia, MedTweetMy, The Dressar & Co*, juga Sukarelawan Perubatan Malaysia. Oleh itu, promosi, dan kerjasama perlulah diperluaskan agar usahasama yang terjalin mampu membawa kebaikan buat semua.

## KESIMPULAN

Kepentingan ilmu literasi media bagi penerbit drama terutamanya, tidak dapat disangkal lagi kerana ilmu tersebut mampu membantu penerbit mencari sumber-sumber rujukan daripada sumber media yang berbeza. Disebabkan itu, para penerbit hendaklah berusaha untuk menggunakan segala medium media dengan semaksima mungkin dalam mencari maklumat yang diperlukan. Kerajinan dalam berkomunikasi juga sangat dituntut agar sebanyak mungkin maklumat dapat dikumpul selain daripada melalui pembacaan.

Menghasilkan drama yang berkualiti tinggi adalah matlamat dan wawasan yang perlu dicapai oleh industri drama tempatan. Namun, usaha dan cita-cita ini tidak akan terlaksana tanpa usahasama, dan pertolongan dari pihak-pihak yang lain, kerana industri ini tidak mampu untuk bergerak sendiri. Justeru, diharap dengan segala usaha dari setiap pihak,

mampu mengukuhkan, dan mengembangkan lagi industri drama kita yang dipenuhi dengan individu-individu yang kreatif.

## BIODATA PENULIS

**Siti Aishah Mohammad Razi** merupakan calon Phd di Pusat Penyelidikan Industri Kreatif dan Impak Media di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan kajian beliau adalah dalam bidang penyiaran.

**Fauziah Ahmad** merupakan Professor Madya di Pusat Penyelidikan Industri Kreatif dan Impak Media, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Adli Azam Mohammad Razi** merupakan Pensyarah Kanan di Unit Pembedahan Kardiovaskular dan Torasik di Rumpun Sains Pembedahan Fakulti Perubatan UiTM, Kampus Sungai Buloh.

**Emma Mirza Wati Mohamad** merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Industri Kreatif dan Impak Media, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## RUJUKAN

- Dauglass Kellner, Jeff Share. 2007. Critical Media Literacy, Democracy, and the Reconstruction of Education. Dlm. D. Maeeda and S.R. Steinberg (penyt.) *Media Literacy: A Reader*, hlm. 3-23. New York: Peter Lang Publishing.
- Goodman K. 2007. Imagining Doctors: Medical Students and the TV Medical Drama. *American Medical Association Journal of Ethics*. 9 (3): 12-187. <http://virtualmentor.ama-assn.org/2007/03/medu1-0703.html> [18 August 2014].
- Jacquelyn Bishop. 2009. The Negative Images of Nursing Portrayed on Grey's Anatomy, House, and ER and its Effects on Public Perception and the Contemporary Nursing Shortage. *Annual Celebration of Student Scholarship adn Creativity*.
- Kellner, D. , Shane, J. 2007. Critical Media Literacy, Democracy, and the Reconstruction of Education. In *Media Literacy: A Reader* , edited by D. Maeeda and S.R. Steinberg , 3-23. New York: Peter Lang Publishing.
- Lolley S. 2008. *Medical Professional and the Fictional TV Medical Drama House MD*. McGill University.
- Rais Yatim. 2011. Memperkasakan Dunia Penyiaran Secara Kreatif dan Inovatif. *Portal rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia*. Angkaspuri. Retrieved from [http://kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=3394:ucapan-pemukiman-rtm&catid=174&lang=ms](http://kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=3394:ucapan-pemukiman-rtm&catid=174&lang=ms) on 11 Sep 2017.
- Shanti Balraj. 2001. Dlm. Media Literacy in Malaysia: Making Connections with Critical Awareness. Peny. Mary Kalantzi and Ambigapathy Pandian. *Literacy Metters: Issues for New Times*. hlm 161-171. Common Ground Publishing Pty Ltd in Association with Universiti Sains Malaysia.

- Stribbling. L. 2008. *Media Literacy From the Perspective of Broadcasters, and User Generate Content Producers Around the World*. Commonwealth Broadcasting Association.
- Stobbe M. 2007. U.S Health Officials Prescribing Doses of Medical Accuracy for TV Shows. *Deseret News*. <http://www.deseretnews.com/article/660213843/US-health-officials-prescribing-doses-of-medical-accuracy-for-TV-shows.html?pg=2> [12 Februari 2016]
- Tessa Jolls. 2011. Temubual bersama W. James Potter.
- Turrow J. 1996. Television Entertainment and the US Health Care Debate. *The Lancate*, Vol 347: hlm. 1240-1243. University of Pennsylvania Scholarly Commons.
- Turow J. 2012. Nurses and Doctors in Prime Time Series: The Dynamics of Depicting Professional Power. *SceinceDirect*. [http://www.nursingoutlook.org/article/S0029-6554\(12\)00142-X/pdf](http://www.nursingoutlook.org/article/S0029-6554(12)00142-X/pdf). [17 October 2014]

SITI AISHAH BINTI HJ MOHAMMAD RAZI  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
sitiaishah.mohammadrazi@gmail.com

FAUZIAH BINTI AHMAD  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
zuhair@ukm.edu.my

ADLI AZAM BIN HJ MOHAMMAD RAZI  
*Universiti Teknologi Mara*  
adlirazi75@gmail.com

EMMA MOHAMMAD  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
emmamohamad@ukm.edu.my